



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0)
TEMPOH PKP FASA 1: 1 JUN SEHINGGA 14 JUN 2021
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)

FAQ ini adalah terpakai untuk Sektor Pelancongan dan Kebudayaan serta berkaitan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) iaitu penutupan penuh (***total lockdown***) bagi tempoh 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021.

BAHAGIAN 1: SOALAN UMUM MENGENAI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN PERKHIDMATAN / AKTIVITI DALAM SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

1. **Berapakah SOP yang ada di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)? Apakah SENARAI SOP dan perkhidmatan / aktiviti dalam SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN?**

Terdapat 13 SOP di bawah MOTAC yang dikuatkuasakan pada tahun 2020 seperti berikut:

- i. Premis Penginapan Hotel;
- ii. Pameran Hasil Seni, Budaya & Warisan di Premis dan Fasiliti Awam Kebudayaan;
- iii. Syarikat Pengendali Pelancongan;
- iv. Pemanduan Pemandu Pelancong;
- v. Operasi Institut Latihan Pelancongan (ILP);
- vi. Program Pengalaman *Homestay* Malaysia;

- vii. Pusat Hiburan Keluarga;
- viii. Aktiviti Pelancongan Pengembaraan dan Aktiviti Lasak;
- ix. Aktiviti Selam Skuba dan Snorkeling;
- x. Taman Tema (*Dry & Water*);
- xi. SPA, *Wellness*, Pusat Urut Kaki & Refleksologi;
- xii. MICE; dan
- xiii. *Travel Trade, Fair, Marts, Bazaar & Karnival*.

Terdapat SOP TAMBAHAN untuk tahun 2021 iaitu:

- xiv. Gelembung Pergerakan Pelancongan Domestik (*Travel Bubble*)

2. Adakah 13 + 1 SOP di bawah Sektor Pelancongan dan Kebudayaan ini masih diguna pakai dalam tempoh pelaksanaan PKP 3.0?

SOP yang ada ini masih diguna pakai tetapi bergantung kepada arahan terkini dan kebenaran daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) berdasarkan situasi terkini penularan wabak COVID-19.

3. SOP AM Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa sejak 12 Mei 2021 telah diperketatkan pada 25 Mei 2021 dan diperincikan pada 30 Mei 2021 susulan penutupan penuh (*total lockdown*) mulai 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021. Apakah SENARAI PERKHIDMATAN PERLU YANG DIBENARKAN BEROPERASI sepanjang tempoh '*total lockdown*'?

Senarai perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh '*total lockdown*' adalah **perkhidmatan perhotelan dan penginapan atas tujuan kuarantin, pengasingan dan penginapan untuk '*frontliners*' sahaja serta bukan untuk tujuan aktiviti pelancongan.**

4. **SOP AM Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa sejak 12 Mei 2021 telah diperketatkan pada 25 Mei 2021 dan diperincikan pada 30 Mei 2021 susulan penutupan penuh (*total lockdown*) mulai 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021. Apakah pula SENARAI PERKHIDMATAN / AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI sepanjang tempoh '*total lockdown*'?**

SENARAI PERKHIDMATAN / AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN:

- i. Produk tarikan pelancong awam seperti zoo, *farms*, akuarium, pusat *edutainment*, *extreme*, *adventure*, *nature parks* dan lain-lain;
- ii. Premis hasil seni, budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, galeri seni, pusat atau kampung seni warisan budaya, pentas persembahan budaya dan lain-lain;
- iii. Taman tema, pusat hiburan keluarga, *indoor playground* dan karaoke termasuk karaoke keluarga;
- iv. Aktiviti pelancongan ke luar daerah dan negeri;
- v. Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia;
- vi. Operasi SPA, refleksologi, pusat urut, *wellness* dan perkhidmatan *pedicure* dan *manicure*; dan
- vii. Seminar, bengkel, kursus, latihan, persidangan, pameran, ceramah dan aktiviti berkaitan dengan *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)* secara bersemuka.

5. **Adakah SOP Gelembung Pergerakan Pelancongan Bersasar Domestik (PKPP) yang dilaksanakan pada 10 Mac 2021 masih beroperasi?**

Tidak. SOP Gelembung Pergerakan Pelancongan Bersasar Domestik (PKPP) telah digantung pada 4 Mei 2021 bagi membendung penularan kes COVID-19 yang melibatkan aktiviti pelancongan.

6. Adakah MOTAC masih meneruskan Gelembung Perjalanan *Reciprocal Green Lane / Travel Corridor Arrangement*?

Gelembung Perjalanan *Reciprocal Green Lane / Travel Corridor Arrangement* tidak dapat dilaksanakan buat masa ini kerana Malaysia belum bersedia untuk membuka sempadan negara dan begitu juga dengan negara *Green Lane* yang turut belum bersedia untuk membuka sempadan masing-masing akibat penularan COVID-19 yang masih belum berkurangan.

BAHAGIAN 2: PENGOPERASIAN PREMIS PENGINAPAN PERHOTELAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan premis penginapan?

Premis penginapan yang dimaksudkan adalah hotel / resort / hotel bajet / *hotel apartment* dan seumpama dengannya yang menawarkan tempat penginapan pemalaman atau tempat tidur kepada mana-mana orang untuk disewa.

2. Adakah SOP Premis Penginapan Hotel (PKP) yang berkuatkuasa pada 13 Januari 2021 masih berkuatkuasa selaras dengan pelaksanaan PKP 3.0 yang diperincikan susulan '*total lockdown*' bermula 1 Jun sehingga 14 Jun 2021?

Ya. SOP Premis Penginapan Hotel (PKP) masih berkuatkuasa dalam tempoh PKP 3.0 namun mengikut perincian baru susulan '*total lockdown*' bermula 1 Jun sehingga 14 Jun 2021.

3. Apakah SENARAI AKTIVITI YANG DIBENARKAN dalam SOP Premis Penginapan Hotel (PKP) untuk tempoh Fasa 1: 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021?

Aktiviti adalah **terhad** kepada tetamu dari perkhidmatan penting seperti sektor *oil & gas* dan sektor penerbangan yang mempunyai kontrak bertempoh dengan hotel serta lain-lain sektor yang dibenarkan Kerajaan seperti *frontliners*, professionals, tugas rasmi dan lain-lain sektor perkhidmatan perlu serta pekerja dalam sektor restoran / cafe / dapur secara *pack food / takeaway / delivery / room service* sahaja.

4. **Apakah pula SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN dalam SOP Premis Penginapan Hotel (PKP) untuk tempoh Fasa 1: 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021?**

Aktiviti yang **tidak dibenarkan** adalah fasiliti hiburan seperti bar, *lounge* dan karaoke. Fasiliti kolam renang dan gimnasium, jakuzi, sauna dan spa serta restoran atau cafe yang menyediakan hidangan bufet dan *dine-in*.

5. **Bilakah waktu operasi premis penginapan hotel dibenarkan?**

Pengusaha penginapan perhotelan yang dibenarkan menerima pelanggan bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerja sektor perkhidmatan penting boleh beroperasi sepertimana biasa berdasarkan lesen dan **tertakluk kepada kebenaran Pihak berkuasa Tempatan** (jika berkaitan).

6. **Adakah perkhidmatan Cafe / Restoran dibenarkan beroperasi?**

Ya. Restoran / kafe dalam premis penginapan hotel dibenarkan untuk beroperasi bagi perkhidmatan *pack food, take away, dan room service delivery* kepada tetamu hotel/ pelanggan. Semua aktiviti premis penginapan perhotelan dan operasi restoran perlu mematuhi SOP Premis Penginapan Perhotelan dan SOP Sektor Makanan (PKP 3.0) yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2021.

7. **Adakah premis penginapan perlu menjalankan pembersihan dan sanitasi sebelum kembali beroperasi?**

Pengusaha premis penginapan digalakkan untuk menjalankan aktiviti pembersihan dan sanitasi di seluruh premis **sebelum memulakan** operasi dengan merujuk kepada SOP pembersihan / sanitasi awam yang dikeluarkan oleh Kementerian / Agensi Pengawal Selia yang berkaitan dengan tanggungan kos sendiri.

8. **Adakah premis penginapan boleh menerima semua pelanggan hotel yang ingin mendaftar masuk?**

Pengusaha premis penginapan perhotelan hanya dibenarkan menerima pelanggan bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerja sektor perkhidmatan penting seperti oil and gas, sektor penerbangan dengan kontrak serta lain-lain

sektor yang dibenarkan Kerajaan seperti *frontliners*, professionals, tugas rasmi dan lain-lain sektor perkhidmatan perlu.

9. Apakah prosedur yang perlu dilakukan oleh pihak premis penginapan ke atas pelanggan yang ingin mendaftar masuk?

Prosedur menerima tetamu yang mendaftar masuk adalah sepertimana biasa dan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi mengekang penyebaran COVID-19 seperti menggunakan **aplikasi MySejahtera**, mengamalkan **penjarakan sosial**, **pemakaian pelitup muka** dan menggunakan **hand sanitizer**.

10. Adakah pelanggan hotel dibenarkan untuk berada / berlegar di luar bilik semasa menginap?

Tetamu / pelanggan **tidak digalakkan** berkumpul atau berlegar di luar bilik atau di tempat awam secara beramai-ramai. Pihak hotel perlu mengawal pergerakan tetamu khususnya di kawasan umum untuk mengelakkan sebarang bentuk perhimpunan yang boleh menjejaskan amalan penjarakan sosial dan meningkatkan risiko penyebaran COVID-19 di mana-mana kawasan premis.

11. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh tetamu yang menginap di premis penginapan sekiranya disyaki mengalami gejala dijangkiti COVID-19?

Tetamu dikehendaki memaklumkan kepada pihak hotel / agensi kerajaan yang berkaitan sekiranya mempamerkan gejala COVID-19 seperti demam / batuk / sakit tekak / sesak nafas semasa menginap di hotel dan perlu mendapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan berdekatan.

12. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh premis penginapan sekiranya mendapati terdapat pekerja / tetamu yang bergejala disyaki dijangkiti COVID-19?

Pihak pengurusan premis penginapan hendaklah:

- i. Memastikan tetamu / pelanggan bergejala tidak berada di premis dan perlu mendapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan berdekatan;
- ii. Membuat *contact tracing* bagi pekerja dan tetamu hotel yang terlibat sekiranya tetamu / pelanggan tersebut disahkan positif;

- iii. Membuat proses pembersihan dan nyahkuman di premis penginapan tetamu yang disahkan positif; dan
- iv. Semua kos perubatan bagi pekerja dan kos sanitasi adalah ditanggung oleh pihak hotel sendiri.

13. Adakah pihak berkuasa boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana premis penginapan yang gagal mematuhi syarat dan peraturan yang telah dikeluarkan ini?

Ya. Pihak berkuasa berkaitan boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana premis yang gagal mematuhi peraturan dan SOP semasa yang berkuatkuasa di bawah Akta 342.

14. Berapakah jumlah pelanggan / tetamu satu bilik?

Tertakluk kepada pihak hotel dengan mengambil kira pematuhan kepada SOP yang dikeluarkan pihak Kerajaan.

15. Adakah perniagaan *homestay* dibenarkan untuk beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) ini?

Tidak dibenarkan.

16. Adakah premis penginapan perhotelan dibenarkan beroperasi untuk tujuan menerima tetamu secara *walk-in* bagi *frontliners* atau penjawat awam?

Ya. Premis penginapan perhotelan dibenarkan beroperasi untuk menerima tetamu *frontliners* atau penjawat awam secara *walk-in* terhad bagi urusan rasmi sahaja dan bukan untuk tujuan pelancongan.

17. Apakah definisi Kuarantin di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)?

- i. Selain dari Hotel sebagai Stesen Kuarantin yang digazetkan NADMA, hotel juga dibenarkan untuk menerima tetamu yang telah diarah kuarantin sendiri dan memerlukan tempat yang lebih sesuai (selain kediaman sendiri) untuk melengkapkan tempoh kuarantin yang di perintahkan kepada individu tersebut;

- ii Bagi tujuan ini, tetamu perlu membawa surat perintah kuarantin dari Pejabat Kesihatan Daerah sebagai bukti; dan
- iii Kuarantin diperintahkan kepada mereka yang baru pulang dari luar negara atau menjadi kontak rapat kepada kes positif, namun tetamu belum disahkan positif.

18. Apakah definisi Pengasingan Di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)?

Pengasingan adalah perintah kepada mereka yang telah didapati positif COVID-19 namun tidak mengalami/ mempunyai sebarang gejala. Mereka perlu melaksanakan pengasingan selama mana tempoh yang diarahkan KKM.

19. Apakah yang perlu dilaksanakan oleh pihak premis penginapan perhotelan jika terdapat Penyelenggaraan yang perlu dibuat bagi kelancaran pengoperasian Hotel tersebut?

Merujuk kepada Kenyataan Media Ketua Polis Negara bertarikh 6 Jun 2021, bagi pekerja sendiri seperti tukang paip/ penyelenggaraan/ penjaja tepi jalan yang tiada majikan, permohonan hendaklah diperolehi daripada PDRM secara *one-off* (1- 14 Jun 2021).

20. Adakah premis penginapan perhotelan boleh menerima Daftar Masuk pihak-pihak yang terkandas. (*Stranded Travellers*)?

Dibenarkan dengan dokumen pembuktian yang sah oleh tetamu. Kegagalan membuktikan keadaan tersebut boleh menyebabkan tetamu dan pemilik hotel dikenakan tindakan atas kegagalan mematuhi Akta 342 dan SOP PKP 3.0.

21. Adakah Hotel boleh menerima Daftar Masuk bagi individu yang telah berada di Daerah dimana lokasi Hotel tersebut terletak sebelum Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (FMCO)?

Dibenarkan dengan dokumen pembuktian yang sah. Kegagalan membuktikan keadaan tersebut boleh menyebabkan tetamu dan pemilik hotel dikenakan tindakan atas kegagalan mematuhi Akta 342 dan SOP PKP 3.0.

22. Adakah Pihak Hotel dibenarkan untuk melakukan CSR kepada para '*Frontliners*' ?

Perkara ini boleh diuruskan di antara pihak hotel terus bersama pihak kedua selagimana tidak melibatkan apa-apa aktiviti berkaitan pelancongan sepanjang tempoh PKP 3.0 ini.

BAHAGIAN 3: INISIATIF DAN BANTUAN YANG DISALURKAN OLEH KERAJAAN BAGI MEMBANTU SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MELALUI MOTAC

1. Apakah inisiatif dan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan bagi membantu Sektor Pelancongan dan Kebudayaan melalui MOTAC?

Terdapat dua (2) jenis inisiatif dan bantuan yang disalurkan, iaitu Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (**PEMERKASA**) dan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (**PERMAI**).

2. Apakah jenis bantuan yang diberi dalam Inisiatif PEMERKASA?

Dalam inisiatif PEMERKASA, **Syarikat Pengendali Pelancongan di bawah MOTAC** (Fasa 1–3) telah mendapat manfaat bantuan kewangan sebanyak RM3,000 secara *One-off* melalui pengumuman YAB Perdana Menteri pada 17 Mac 2021 bagi meringankan beban kewangan yang dihadapi pengusaha pelancongan yang terjejas. Rujukan lanjut mengenai inisiatif PEMERKASA untuk Syarikat Pengendali Pelancongan boleh dilayari di laman web rasmi MOTAC:

<http://www.motac.gov.my/PemerKasaMotac2021>

Bantuan Kewangan *One-off* RM600 kepada **Pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia** (berdaftar dengan MOTAC sebelum 28 Februari 2021) juga diberikan dalam inisiatif PEMERKASA. Rujukan lanjut mengenai inisiatif PEMERKASA untuk Pengusaha Program Pengalaman *Homestay* Malaysia boleh dilayari di laman web rasmi MOTAC:

<http://motac.gov.my/PemerKasaHomestay2021>

3. Apakah jenis bantuan yang diberi dalam Inisiatif PERMAI?

Dalam Inisiatif PERMAI, melalui pelaksanaan bayaran PRIHATIN 2021 pada 6 Mei 2021, seramai 1,580 Pemandu Pelancong Berlesen yang berdaftar di bawah MOTAC telah menerima bantuan sebanyak RM500. Rujukan lanjut mengenai inisiatif PERMAI Pemandu Pelancong Berlesen yang berdaftar di bawah MOTAC boleh dilayari di laman web rasmi MOTAC:

<http://www.motac.gov.my/permaimotac2021>

4. Apakah jenis bantuan lain yang disalurkan melalui MOTAC?

Bantuan lain yang disalurkan melalui MOTAC adalah bayaran **Bantuan Kewangan Secara *One-off* Geran Khas Prihatin Tambahan Kepada Pemandu**

Pelancong Berlesen Negeri Sabah. Untuk makluman, seramai 995 Pemandu Pelancong Berlesen Wilayah Sabah telah menerima bayaran bantuan sebanyak RM1,000 di bawah inisiatif Belanjawan 2021 pada 22 April 2021. Rujukan lanjut mengenai Geran Khas Prihatin Tambahan kepada Pemandu Pelancong Berlesen Negeri Sabah ini boleh dilayari di laman web rasmi MOTAC:

<http://www.motac.gov.my/gkpmotac2021>

5. **Bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi, menyokong perniagaan dan menyediakan bantuan kepada rakyat dan sektor ekonomi yang terkesan. Kerajaan telah mengumumkan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) pada 31 Mei 2021. Apakah jenis bantuan PEMERKASA+ ini untuk sektor pelancongan dan kebudayaan?**

Terdapat tujuh (7) bantuan PEMERKASA+ untuk sektor pelancongan dan kebudayaan, iaitu seperti berikut:

- i. **Bantuan Khas secara *One-off* sebanyak RM500 kepada 17,000 Pemandu Pelancong Berdaftar dan 4,000 bas persiaran berdaftar yang melibatkan peruntukan berjumlah RM68 juta;**
- ii. **Melanjutkan pemberian **diskaun bil elektrik sebanyak 10% selama tiga (3) bulan** tambahan dari Julai 2021 sehingga September 2021 kepada **pengendali hotel, agensi pengembaraan dan pelancongan, pusat-pusat konvesyen, taman tema dan pejabat syarikat penerbangan tempatan;****
- iii. **Pemberian **potongan khas cukai** kepada pemilik bangunan dan ruang perniagaan yang menawarkan pengurangan sewa sekurang-kurangnya **30% untuk tempoh enam (6) bulan sehingga Disember 2021;****
- iv. **Pengecualian cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan ke atas penginapan yang disediakan oleh pengendali hotel masih berterusan sehingga Disember 2021;**
- v. **Skim **Rehabilitasi Sewa Bas dan Teksi** dengan nilai peruntukan RM1 bilion. Pengusaha bas dan teksi layak mendapatkan **moratorium pinjaman sehingga 12 bulan dan melanjutkan tempoh pinjaman sehingga 36 bulan;****
- vi. **Melanjutkan **Program Subsidi Upah di bawah Perkeso selama satu (1) bulan** bagi semua sektor ekonomi yang terkesan dengan kos RM1.5 bilion dengan **had 500 pekerja bagi setiap permohonan;** dan**
- vii. **Pembiayaan mikro kredit serendah 3% sebagai modal kerja dengan peruntukan berjumlah RM1.5 bilion.**

BAHAGIAN 4: PERMOHONAN SURAT KEBENARAN BEROPERASI BAGI SEKTOR YANG DIBENARKAN OLEH KERAJAAN SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BAGI TEMPOH 1 JUN 2021 SEHINGGA 14 JUN 2021.


1. Adakah MOTAC mengeluarkan surat kebenaran beroperasi bagi sektor pelancongan dan kebudayaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Tempoh 1 Jun Sehingga 14 Jun 2021?

Tidak. Sidang Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 4 Jun 2021 telah memutuskan supaya surat kebenaran beroperasi bagi penginapan hotel untuk tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu dalam tempoh PKP bermula dari **6 hingga 14 Jun 2021** hendaklah dimohon melalui portal **COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0** yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

2. Bagaimanakah prosedur untuk mendapatkan surat kebenaran beroperasi bagi sektor pelancongan dan kebudayaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Tempoh 1 Jun Sehingga 14 Jun 2021 ini?

Semua pengendali hotel yang berkenaan perlu mendaftar semula dan boleh terus memuat turun surat kebenaran beroperasi melalui pautan ***notification.miti.gov.my***.

PERMOHONAN SURAT KEBENARAN PERGERAKAN BAGI SEKTOR PERHOTELAN MENGGUNAKAN INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM (CIMS) 3.0 (MITI)



BAHAGIAN 5: ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan amalan BDR?

Amalan BDR merujuk kepada pelaksanaan tugas pejabat di rumah masing-masing mengikut tatacara / garis panduan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Setiausaha Bahagian mengikut keperluan Bahagian / Unit masing-masing.

2. Adakah amalan BDR wajib bagi semua pekerja sektor pelancongan dan kebudayaan?

Amalan BDR adalah wajib bagi semua kakitangan dalam sektor pelancongan dan kebudayaan. **Pengoperasian pejabat kerajaan** akan dilaksanakan secara *hibrid*, iaitu secara keberadaan pegawai di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR). Melalui pendekatan ini, **hanya 20 peratus pegawai akan hadir ke pejabat (tidak termasuk Perkhidmatan barisan hadapan), manakala 80 peratus lagi adalah secara BDR dengan kaedah penggiliran**. Pertimbangan kehadiran pegawai ke pejabat juga perlu mengambil kira tugas atau proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dan memerlukan keberadaan pegawai di pejabat.

3. Adakah tindakan tatatertib akan dikenakan sekiranya mana-mana Penjawat Awam melakukan sesuatu aktiviti yang tidak berkaitan dengan kerja sewaktu pelaksanaan BDR?

Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020–Dasar Bekerja Dari Rumah. Sebarang pelanggaran salah laku dalam pematuhan kepada dasar BDR ini, akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah P.U.(A) 395–Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Kegagalan mematuhi arahan ini akan menyebabkan pegawai berkenaan dikenakan tindakan.

4. Apakah Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Kerajaan di Bawah Perintah Kawalan pergerakan (PKP) 3.0, Tempoh PKP Fasa: 1 Jun sehingga 14 Jun 2021?

Selaras dengan arahan daripada kenyataan media yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri pada 28 Mei 2021 dan pengumuman oleh YB Menteri Kanan Pertahanan pada 30 Mei 2021, Perkhidmatan Awam akan melaksanakan kaedah **Bekerja Dari Rumah (BDR) sepenuhnya** tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan. Perintah ini bertujuan

untuk mengurangkan perhubungan individu secara bersemuka bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19.

KETERANGAN OPERASI PEJABAT KERAJAAN SEPERTI BERIKUT:

- i. Semua mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan;
- ii. Tiada perjumpaan atau aktiviti fizikal dibenarkan; dan
- iii. Perkhidmatan **kaunter ditutup** dan segala urusan adalah melalui **perkhidmatan atas talian (kecuali kaunter perkhidmatan kesihatan, balai polis dan di pintu-pintu masuk antarabangsa yang melibatkan perkastaman, imigresen serta kuarantin)**

5. Berdasarkan Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Kerajaan di Bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 24 Mei 2021, prosedur penggiliran kehadiran ke pejabat akan diguna pakai di MOTAC sepanjang tempoh PKP 3.0 yang berkuatkuasa dari 25 Mei 2021 sehingga 14 Jun 2021 bagi mengawal jumlah kehadiran pegawai dan kakitangan yang hadir bertugas di pejabat. Bagaimanakah prosedur penggiliran kehadiran ke pejabat di MOTAC?

KETERANGAN SISTEM PENGGILIRAN DI BAWAH MOTAC ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- i. Semua pegawai dan kakitangan hendaklah mengambil nombor giliran di kaunter lobi MOTAC mengikut bahagian / unit masing-masing;
- i. Diwajibkan untuk mengimbas kod QR MySejahtera. Tindakan tegas akan diambil sekiranya gagal mengimbas kod tersebut;
- ii. Mengisi buku rekod pendaftaran. Maklumat yang diperlukan adalah nama penuh, bahagian / unit, nombor giliran, masa masuk dan masa keluar;
- iii. Bilangan nombor giliran bahagian / unit adalah terhad mengikut kuota yang ditetapkan;
- iv. Lif B1 akan ditutup. Urusan pengambilan nombor giliran perlu dilakukan di kaunter lobi MOTAC; dan

- v. Sekiranya nombor giliran sudah habis, pegawai / kakitangan hendaklah menunggu sehingga ada pegawai / kakitangan lain memulangkan semula nombor giliran terdahulu.

6. Prosedur penggiliran kehadiran ke pejabat ini hanya dibenarkan bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dengan tidak melebihi 20%. Apakah tujuan dan tatacaranya?

- i. Pembayaran kontrak / invois / gaji;
- ii. Pembayaran / pengagihan bantuan bulanan / berkala kepada rakyat;
- iii. Penyelenggaraan / keselamatan premis;
- iv. Pengurusan teknikal ICT bagi tujuan penyelenggaraan sistem dan mesyuarat atas talian; Penyediaan kertas / dokumen melibatkan Jemaah Menteri;
- v. Penggiliran kakitangan bagi tempoh maksimum 4 jam; dan
- vi. Kehadiran ke pejabat perlu disertai dengan dokumen arahan rasmi dan pas pekerja.

Pemantauan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan kepada arahan yang dikeluarkan. Sebarang **pengecualian** arahan ini perlu mendapat **kelulusan daripada Pejabat Ketua Setiausaha Negara.**

7. Adakah pekerja yang perlu ke pejabat dikehendaki menjalani ujian saringan COVID-19?

Tidak perlu sekiranya tidak bergejala. Namun, pihak Kementerian adalah disarankan untuk menjalankan proses sanitasi dan penutupan premis sekiranya ada kes penularan dalam kalangan Penjawat Awam dan kakitangan serta menjalankan ujian saringan terhadap kakitangan dari semasa ke semasa untuk memastikan pengesanan awal kes sekiranya ada.

Maklumat lanjut mengenai **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** dan kenyataan mengenai COVID-19, adalah disaran untuk melayari laman web rasmi **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM):** <http://covid-19.moh.gov.my/vaksin-covid-19> atau menghubungi talian 03-8881 0200 / 0600 / 0700.

Maklumat lanjut mengenai aplikasi **MySejahtera** pula boleh dilayari di laman web rasmi **Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV)**: <https://www.vaksinovid.gov.my/> atau menghubungi talian 1 800 888 828.

Sebarang maklumat lanjut mengenai **SOP AM Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pelaksanaan PKP 3.0, Tempoh PKP Fasa 1: 1 Jun sehingga 14 Jun 2021** boleh menghubungi **Majlis Keselamatan Negara (MKN)** di talian **03-8888 2104 / 2040** atau layari laman web rasmi:

<https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-perintah-kawalan-pergerakan/>

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Sektor Pelancongan dan Kebudayaan, orang awam boleh menghubungi **Pusat Panggilan MOTAC** yang beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Waktu Operasi

Hari : Isnin hingga Ahad (SETIAP HARI)

Masa : 8.30 pagi sehingga 5.30 petang

Talian : 03-8891 7189

Emel : covid19@motac.gov.my

Aplikasi Whatsapp: 019-2209965

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai **aduan atau pertanyaan am berkaitan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)**, orang awam boleh menghubungi atau melayari alamat perhubungan seperti berikut:

Laman Web Rasmi MOTAC

<http://www.motac.gov.my/>

Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) MOTAC

<https://motac.spab.gov.my/eApps/system/index.do>

Maklumat lain berhubung Info SOP PKP info@motac.gov.my

SOP AM di bawah aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan ukc19@motac.gov.my

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
10 JUN 2021